

# PM sudah buat keputusan mengenai permohonan Daim letak jawatan

24 JAN 1991

KUALA LUMPUR 23 Jan. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, berkata hari ini beliau sudah membuat keputusan berhubung permohonan Menteri Kewangan Dato' Paduka Daim Zainuddin untuk meletak jawatan.

Bagaimanapun, katanya, beliau hanya akan membuat pengumuman mengenainya sedikit masa lagi.

Perdana Menteri ditanya sama ada beliau sudah membuat sebarang keputusan berhubung permohonan Dato' Paduka Daim itu dalam satu sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri petang ini.

Dalam suratnya kepada Perdana Menteri, Dato' Paduka Daim yang

sudah menyandang jawatan Menteri Kewangan selama tujuh tahun memohon meletakkan jawatan kerana beliau merasa tugasnya untuk memulihkan ekonomi negara sudah selesai.

Sejurus selepas menyerahkan permohonan perletakan jawatan itu, Dato' Paduka Daim berlepas ke London untuk bercuti. Sebaik sahaja kembali ke tanahair, beliau memberitahu pemberita bahawa, beliau juga memohon melepaskan jawatan sebagai bendahari UMNO.

Permohonan untuk meletak jawatan yang dikemukakan oleh Dato' Paduka Daim telah menimbulkan berbagai spekulasi berhubung siapakah yang akan menjadi penggantinya.